

Masyarakat Muslim Di Negara Brunei Darussalam: Kajian Mengenai Isu dan Cabaran Dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi

*(MUSLIM SOCIETY IN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:
A STUDY ON ISSUES AND CHALLENGES IN ISLAMIC THOUGHT
IN THE ERA OF GLOBALISATION)*

Prof Madya Dr Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali &
Dr Ahmad Zuhdi Bin Ismail

Abstract

Negara Brunei Darussalam has stated that it applies Melayu Islam Beraja as slogan and motto. The position and importance of Islam is understood as it is considered the official religion of the state. The status of Islam as clearly stated in the Constitution of Negara Brunei Darussalam (NBD) shows that its position is highly regarded by muslim society in Brunei. This article aims to study the major and minor issues related to Islam and the challenges towards Islam in the current situation. The findings are very important because it can be used as comparison to other countries in the region. It also aims to tackle issues related to Islamic Thought that comprises many sub-topics for instance theology, theosophy, comparative and several others. The issue concerning the methodology will also be discussed and examined in order to have a clear idea on how the issue is solved and what is the perspective or way of solving the problems applied by the authorities in Brunei as compared to others. At the end, its impact on muslim mind in Brunei will be highlighted and the challenges that they face will be thoroughly examined.

Pengenalan

Masyarakat Muslim hari ini sentiasa berhadapan pelbagai isu dan cabaran dalam era globalisasi khususnya dalam bidang pemikiran Islam. Isu dan cabaran lebih merupakan ujian yang disediakan Allah (s.w.t) untuk sama ada menambahkan kekuatan mahupun menguji kekuatan sedia ada, yang pasti disediakan ganjarannya dalam pelbagai bentuk. Kedinamikan dan kepekaan sesuatu masyarakat, bahasa, budaya, bangsa dan negara bergantung kepada kekuatan dan kelemahan mereka menghadapi isu dan cabaran dalaman mahupun luaran.

Bidang Pemikiran Islam di sini merujuk kepada bidang-bidang berkaitan akidah [Usuluddin], falsafah, tasawuf, teologi [Kalam] dan perbandingan agama yang berasaskan sumber primer Islam, Kalam Allah (s.w.t) al-Qur'an dan Hadith Rasulullah (s.a.w) yang mengaplikasi metode-metode tertentu yang dibenarkan dalam Islam sebagai suatu sistem hidup atau "*a way of life*".

Negara Brunei Darussalam [NBD] tidak terkecuali dilanda pelbagai persoalan, isu dan cabaran yang datang dari dalam mahupun luar. Bagaimanapun, isu dan

cabaran yang dihadapi berbeza berbanding negara-negara lain di rantau ini seperti Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand. Kajian dan penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti kedua-dua aspek, isu dan cabaran dalam konteks Negara Brunei Darussalam meliputi bidang-bidang yang telah dinyatakan terdahulu.

Peta 1: Negara Brunei Darussalam



Sumber: www.nationsonline.org/oneworld/brunei.htm

Kedudukan Islam di Negara Brunei Darussalam [NBD]

Kedudukan Islam di Negara Brunei Darussalam [NBD] berpaut erat kepada institusi kepimpinan. Ia mirip kepada sistem kerajaan Islam Madinah di bawah kepimpinan Rasulullah (s.a.w) yang mengawal keseluruhan sistem pentadbiran dan pengurusan negara tersebut. Ini merupakan suatu kelainan yang amat menonjol dan sangat berbeza sekiranya dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini, dan ia menjadi paksi dan “centre-point” kepada seluruh sistem pemerintahan dan pentadbiran negara.¹

Kedudukan institusi beraja sebagai “*Khalifatu'l-Llah fi'l-ard*” diperlihatkan dengan Sultan menduduki tampuk tertinggi dalam hierarki kepimpinan manakala Islam sebagai “*a way of life*” dan sebuah agama menduduki tempat tertinggi dalam aspek kepercayaan dan pengamalan masyarakat Muslim yang merupakan 70% daripada keseluruhan penduduk di NBD. Perlembagaan NBD menyebutkan bahawa

“Ketua Ugama Islam bagi NBD adalah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.”²

Kedudukan Islam sebagai *al-Din* [way of life]

Kedudukan Islam sebagai “*al-Din*” atau “*a way of life*” adalah amat jelas dalam Perlembagaan NBD dan dinyatakan dengan terang menerusi perkataan “rasmi,”³ yang tidak ditemui dalam mana-mana perlembagaan negara rantau ini. Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 Pindaan Tahun 2004, Bahagian II – Ugama dan Adat Istiadat menyebutkannya seperti berikut:

“Ugama Islam Negara Brunei Darussalam dan cara beribadat:

3. (1) Ugama *rasmi* bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam. Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.”⁴

Secara ringkasnya, perkataan “rasmi” mengenai kedudukan Islam dikatakan merujuk kepada perkara-perkara berikut:

Pertama: Sultan ialah pemegang kuasa memerintah yang tertinggi dan menjadi ketua agama.

Kedua: Waris yang sah bagi menggantikan sultan hendaklah beragama Islam.

Ketiga: Majlis Ugama Islam ialah pihak yang berkuasa besar dalam perkara agama dan hendaklah majlis itu menolong dan menasihatkan sultan dalam perkara tersebut.

Keempat: Pesuruhjaya Tinggi British terkecuali daripada campurtangan (memberi nasihat) dalam perkara-perkara yang berkenaan dengan agama.

Kelima: Penasihat agama menjadi ahli kerana jawatan dalam Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mensyuarat Menteri-Menteri dan Majlis Mensyuarat Negeri.⁵

Organisasi keagamaan NBD dalam aspek yang sedang dikaji meliputi MUI Brunei yang merupakan pihak bertanggungjawab memberikan nasihat, pihak berkuasa utama dan juga pembuat dasar dalam hal ehwal Islam di NBD. Mereka diikuti pula Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bertindak sebagai pelaksana dan pendokong dasar tersebut.⁶ Kuasa MUI Brunei dalam perkara berkaitan Islam yang relevan dengan kajian ini adalah “mengeluarkan kebenaran bagi sebarang pengajaran ugama.”⁷

Tugas dan peranan Jabatan Majlis Ugama Islam pula adalah “melakukan penyelidikan mengenai isu-isu ugama Islam,” sedangkan dalam jabatan itu sendiri, terdapat Bahagian Undang-Undang yang ditugaskan “menangani perkara-perkara berkaitan fatwa, ajaran sesat, pewartaan dan lain-lain.”⁸ Kedudukan Islam lebih banyak dikaitkan dengan pelaksanaan undang-undang. Dikatakan “kedudukan ugama Islam dalam pentadbiran dan pemerintahan boleh dirujuk kepada tiga sumber iaitu: Undang-undang; Adat-istiadat serta pentadbiran dan politik.”⁹

Dengan NBD mengamalkan falsafah kenegaraan berasaskan “Melayu-Islam-Beraja,” kedudukan Islam adalah jelas dan penting kerana ia merupakan paksi dan elemen yang fundamental bagi NBD.

Kedudukan Melayu sebagai bangsa

Kedudukan Melayu sebagai suatu bangsa di NBD juga turut mendapat tempat dan kedudukan. NBD membentuk kekuatannya berasaskan kepada slogan dan falsafah “Melayu-Islam-Beraja” [MIB] yang kelihatan mendasari seluruh kehidupan beragama. “Melayu” boleh dilihat daripada beberapa perspektif.

Pertama, “Melayu” dalam konteks bangsa Melayu yang mengamalkan adat dan budaya Melayu.

Kedua, “Melayu” dalam konteks Bahasa Melayu.

NBD membentuk falsafah kenegaraan berdasarkan Melayu kerana jatidiri NBD memang bergantung kepada entiti Melayu yang merupakan teras bangsa NBD, sehingga ia dikenali negara Melayu¹⁰ dengan status, sifat ketuanan Melayu dengan penekanan kepada ciri-ciri kebangsaan, kebahasaan, kemasyarakatan dan kepolitikan.

Bagaimanapun, dalam konteks “Melayu” sebagai suatu bangsa, ia kelihatan bukanlah sesuatu yang sangat istimewa kerana pada umumnya, Melayu di NBD diwakili oleh 7 puak yang membentuk kebangsaan Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Melayu Brunei, Belait, Tutong, Kedayan, Visayak, Dusun dan Murut.

Dalam konteks Islam dan budaya beragama, 4 puak Melayu sahaja dikatakan Muslim dan menjadikan Islam sebagai cara hidup mereka berbanding yang lain, dan mereka pula terdiri daripada Melayu Brunei, Belait, Tutong dan Kedayan, manakala Melayu yang lain seperti Visayak, Dusun dan Murut masih mengekalkan tradisi dan budaya mereka berdasarkan agama dan kepercayaan mereka, dan mereka dianggap Non-Muslim. Dengan kata-kata lain, “Melayu” bukanlah semestinya merujuk kepada orang-orang yang menjadikan Islam sebagai cara hidup mereka atau *Muslim* meliputi semua aspek.

Non-Muslim di NBD, selain 3 bangsa Melayu yang telah dinyatakan, terdiri daripada bangsa Cina [golongan majoriti di kalangan non-muslim], India dan lain-lain yang membentuk komponen masyarakat Brunei. Non-Muslim pada umumnya berjumlah lebih kurang 30% manakala Muslim pula meliputi hampir 70% daripada keseluruhan rakyat NBD yang dianggarkan sekitar 400 ribu orang menurut sumber mutakhir.

Berhubung dengan persoalan tentang kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai “Negara Islam”,¹¹ maklumbalas yang diterima daripada proses interview atau temubual dengan kepimpinan Islam di NBD memperlihatkan bahawa NBD dianggap sebagai sebuah negara Islam berasaskan alasan berikut, di antaranya Islam sebagai agama rasmi NBD, kepimpinan tertinggi adalah Muslim, seluruh sistem hidup diasaskan kepada Islam sebagai cara hidup dan proses pemantapan Islam diberikan keutamaan dalam semua aspek politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain. Ia bukanlah dinyatakan sebagai retorik semata-mata, bahkan dibuktikan dari segi pelaksanaannya meliputi teori dan praktik. Tulisan Jawi diutamakan, pembudayaan Islam diterapkan kepada golongan non-muslim, proses islamisasi dilakukan secara berterusan dan semua aspek Islam diberikan keutamaan melebihi yang lain, dan pengamalannya boleh dilihat secara zahir sehingga sesuatu yang dianggap tidak Islam seperti papan iklan “Tiger” merujuk kepada minuman keras tidak dibenarkan sama sekali walaupun di restoran milik non-muslim.¹²

Seperti dijelaskan, Islam dalam Perlembagaan NBD menduduki tempat dan tampuk tertinggi sebagai suatu sistem hidup atau *al-Din* masyarakat Muslim. Untuk mendetailkan keterangan tentang Islam di NBD secara teori dan praktik bolehlah dirujuk kepada Akta Majlis Ugama Islam Brunei yang menyebutkan:

“Islam adalah berdasarkan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah dan mazhab Syafi‘i.”

Kelihatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah tidak dihuraikan dengan jelas dalam peruntukan tersebut. Kajian yang lebih terperinci dan menyeluruh berdasarkan kepada sumber-sumber lisan dan tulisan memperlihatkan dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan ASWJ tersebut. Dalam dunia Islam, banyak pihak mengaku mereka adalah ASWJ berdasarkan definisi dan metodologi yang diterima oleh ASWJ itu sendiri.

Pada kebiasaannya, dalam dunia intelektual ASWJ merujuk kepada dua buah aliran pemikiran yang memenuhi kriteria tersebut, iaitu al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Sebagaimana lazimnya dengan senario di rantau Asia Tenggara, apabila mereka menggunakan istilah ASWJ, ia jelas merujuk kepada hanya sebuah mazhab akidah sahaja iaitu al-Asya'irah atau al-Asy'ariyyah, mengambil sempena nama pengasas aliran pemikiran tersebut. Al-Maturidiyyah tidak wujud di kawasan rantau ini, memandangkan ia merupakan mazhab akidah bagi masyarakat di rantau Balkan dan sekitarnya.

Dalam konteks NBD, secara praktiknya dapat difahami daripada keterangan yang dikemukakan bahawa ia merujuk secara khusus kepada pemikiran dan metodologi al-Asy'ari dan para pengikutnya, al-Asya'irah sahaja. Kajian yang lebih telus dan terperinci berdasarkan sumber dan bahan bertulis yang diterbitkan di NBD memperlihatkan bahawa ia memang berpusat kepada akidah dan pemikiran al-Asy'ari dan al-Asya'irah.¹³

Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dipilih dan diisytiharkan sebagai mazhab rasmi bagi Negara Brunei Darussalam bukanlah tanpa sebab dan alasan, bahkan ia mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan senario politik dan keagamaan di dunia Islam, dunia Melayu dan rantau ini sendiri.¹⁴

Selepas pengislaman Melaka, corak pemikiran akidah Islam di rantau ini telah dibentuk berdasarkan acuan pemikiran baru bagi menggantikan acuan pemikiran sebelumnya yang tidak begitu jelas, seperti yang lazim dikemukakan oleh para sejarawan tempatan. Acuan pemikiran baru ini bukan sahaja menguasai Melaka dan Malaysia kini, bahkan seluruh rantau Asia Tenggara termasuklah NBD.

Sejarah juga membuktikan demikian kerana dinyatakan bahawa "tradisi menganut fahaman ASWJ ini ada disebutkan dalam *Silsilah Raja-Raja Brunei* dengan kaum muslimin Brunei memberikan penghormatan yang tinggi kepada para ulama khususnya daripada golongan ASWJ sendiri: "Bermula adapun segala ulama dan mashaikh seperti gelar raja-raja besar juga, dan Imam Hanafi dan Imam Malik dan Imam Ahmad bin Naval, Imam Shafi'i, Imam Abu Hasan al-Ash'ari."¹⁵

Dari segi politik, ASWJ dilihat amat bersesuaian dan bertepatan dengan slogan dan falsafah Negara Brunei Darussalam sendiri, iaitu "Melayu-Islam-Beraja." Pehin Hj Omar bin Abdul Aziz, bekas mufti Brunei pernah mengatakan: "pada membicarakan akidah ASWJ adalah besar ertinya kerana ada hubungannya dengan perlembagaan negeri Brunei."¹⁶ Seterusnya dikatakan: "penetapan ASWJ dan mazhab Syafi'i telah dapat membantu pentadbiran dan pemerintahan negara dengan jayanya sehingga Brunei Darussalam menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang kukuh, dan dapat mempertahankan kedudukan Islam dalam apa-apa jua pergolakan dan perkembangan."¹⁷ Kenyataan tersebut memang bertepatan dengan keterangan yang telah dikemukakan sebelumnya mengenai kedudukan Islam dan kedudukan ASWJ di NBD.

Apatah lagi, sejarah Islam turut memperlihatkan pemikiran ASWJ tidak mendatangkan sebarang polemik dan kontroversi kerana kesediaan ASWJ untuk menerima dan mengakui kepimpinan Islam dalam bentuk yang lazim diamalkan dan

dipraktikkan di kebanyakan negara dunia Islam,¹⁸ Asia Tenggara dan NBD yang turut menjadikan amalan Kerajaan Turki Uthmaniyyah sebagai rujukan.

Dari segi keagamaan juga, keadaan yang sama berlaku dan ini memudahkan proses pentadbiran dan pengurusan hal ehwal keagamaan diuruskan oleh kepimpinan dalam sesebuah negara berkenaan.

Dalam bidang syariah, al-Syafi'i dan al-Syafi'iyyah disebutkan dengan jelas sebagai mazhab fiqh. Persoalan ini dapat dilihat menerusi institusi fatwa, metodologi fiqh, bahan-bahan rujukan yang digunakan terutama kitab-kitab Jawi mengesahkan kenyataan tersebut.¹⁹

Budaya bertaklid di NBD dibenarkan dan amalan bermazhab merupakan suatu tuntutan bagi masyarakat Muslim di NBD, dan mereka pada umumnya menolak golongan atau pemikiran anti mazhab seperti yang diterangkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam (menerusi fatwanya Bil.124/MKB/3/1979-2 bertarikh 22 Jun 1977 Bahagian 9, h.260 dikatakan:

“Fikiran seperti ini adalah berbahaya, kerana menurut al-Imam Abu Ishaq al-Isfara’ini, ulama besar dalam mazhab Syafi’i (m.418H) dalam perkara tiada pakai mazhab berpendapat “mulanya hunar dan akhirnya menjadi zindiq yakni keluar daripada agama Islam, dan tiada apa-apa agama pun dengan sebab tiada pakai mazhab itu.”²⁰

Pernyataan ini dikeluarkan sebagai jawapan kepada pandangan-pandangan tokoh dan mazhab dalam Islam, khususnya golongan al-Salafiyyah [al-Hanabilah] yang diketuai Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan lain-lain, dan juga al-Salafiyyah al-Wahhabiyyah yang diketuai Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab dan tokoh-tokohnya.

Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah dalam konteks NBD tidak boleh dikatakan merujuk kepada aliran-aliran lain yang mendakwa golongan mereka sebagai ASWJ.²¹ Ia dianggap hanya sebagai dakwaan semata-mata. Begitu juga, aliran-aliran yang diakui oleh ASWJ pada peringkat yang lebih global sebagai “tidak bercanggah dengannya dalam akidah mahupun fiqh” seperti aliran al-Zaydiyyah turut tidak dibenarkan kerana ia dianggap sebagai sebahagian mazhab al-Syi’ah, sedangkan mazhab al-Syi’ah, al-Ibadiyyah, al-Mu’tazilah dan Neo-Mu’tazilah tidak mendapat sebarang tempat dan peruntukan dalam ASWJ di NBD.²²

Secara ringkas, Islam di NBD adalah beraliran ASWJ dengan penekanan utama kepada mazhab al-Asy’ariyyah dalam bidang akidah, usuluddin atau Rukun al-Iman; mazhab al-Syafi’iyyah dalam bidang Syariah, fiqh atau Rukun al-Islam; juga tarekat-tarekat tasawuf yang tidak bercanggah dengan prinsip dan fundamental ASWJ.

Dalam konteks NBD, tiada sebarang kedudukan dan peruntukan diberikan kepada mazhab-mazhab lain yang terdapat dalam Islam seperti al-Salafiyyah golongan Ibn Taimiyyah mahupun al-Salafiyyah al-Wahhabiyyah atau disebutkan kaum Wahhabi; al-Syi’ah sama ada al-Imamiyyah, al-Zaydiyyah mahupun al-Isma’iliyyah;²³ al-Khawarij sama ada al-Ibadiyyah atau selainnya; al-Mu’tazilah dengan kelompok Neo-Mu’tazilah, Murji’ah, Jabariyyah, Najjariyyah, Musyabbihah (Mujassimah) mahupun gerakan-gerakan seperti Qadiani, Baha’iyyah @ Ahmadiyyah, dan sebagainya, bahkan ditegaskan bahawa ajaran dan aliran selain ASWJ tidak dibenarkan sama sekali, dan sebarang bentuk pengajaran, penyebaran dan usaha-usaha untuk mencetuskan polemik dalam masyarakat Muslim di NBD akan berhadapan dengan tindakan undang-undang sama ada di bawah klausa “mengganggu ketenteraman awam” atau “mengancam keselamatan negara.” Walaupun tiada

kenyataan bertulis secara rasmi mengenai perkara dan peruntukan tersebut, ia diterima umum bahawa “sesuatu yang bercanggah dengan ASWJ dan mazhab al-Syafi‘i” dianggap salah.

Pihak berkuasa agama NBD seperti Jabatan Mufti, Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Pengajian Islam menerusi Unit Kawalan Akidah yang terlibat secara langsung dengan Islam, disokong Kementerian Dalam Negeri dan semua institusi yang terbabit secara tidak langsung memainkan peranan utama membanteras dan menghalangi sebarang unsur atau bentuk provokasi agama. Hasil kajian ini turut memperlihatkan pelbagai aliran pemikiran, tarekat, amalan yang telah dikenakan tindakan, hukuman dan fatwa pengharaman di bawah klausa “Ketenteraman awam” dan “Keselamatan negara”.²⁴

Sumber dan Metodologi:

Dalam konteks sumber berkaitan al-Qur’an, al-Qur’an yang diterimapakai di NBD adalah berasaskan kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah manakala kitab-kitab berkaitan bidang *tafsir al-Qur’an* selain daripada yang diakui oleh ASWJ tidak diterima dan tidak boleh digunapakai dalam semua perkara berkaitan pendidikan, pengajaran, pembelajaran, penyebaran dan lain-lain. NBD telah mempunyai al-Qur’an dikenali *Mushaf Brunei Darussalam*,²⁵ manakala dalam aspek pentafsirannya pula, difahamkan NBD sedang dalam proses untuk mencetak dan menerbitkan sebuah kitab tafsir dikenali *Tafsir Darussalam* yang dikatakan akan dijadikan teks standard dalam bidang pentafsiran al-Qur’an untuk rujukan seluruh masyarakat muslim di NBD. Ini bererti pada jangka masa panjang, ia akan lebih memudahkan pihak berkuasa agama untuk mengenalpasti dan membuat penentuan dan keputusan tentang kebenaran atau ketidakbenaran sesuatu aspek pemikiran yang disampaikan atau disebarkan.

Dalam konteks sumber berkaitan al-Hadith yang diterimapakai di NBD juga berdasarkan ASWJ terutama *al-Sunan al-Sittah* dengan penekanan utama adalah kitab *al-Sahihain*, al-Bukhari dan Muslim. Selain *al-Sunan al-Sittah*, kitab-kitab lain tidak diluluskan dan tidak diterimapakai sebagai rujukan Standard.

Dalam konteks sumber berkaitan akal dan kreativiti manusia, NBD dengan jelas berdasarkan ASWJ yang menganggap akal bukanlah sumber dalam Islam dan ia mestilah merujuk kepada al-Qur’an dan al-Hadith atau al-Sunnah. Ringkasnya, akal tidak mendapat tempat dalam konteks Islam di NBD. Oleh itu, apa sahaja aliran dan bentuk pemikiran klasik, pertengahan mahupun baru seperti Neo-Mu‘tazilah dan seumpamanya tidak dibenarkan.

Sumber berkaitan Pemikiran Islam adalah berdasarkan sumber sekunder (*secondary sources*) terutama sekali kitab-kitab Jawi bagi masyarakat muslim. Kitab-kitab asal berbahasa Arab tidak digunakan kerana kemahiran berbahasa, apatah lagi ia sendiri pula agak sukar ditemui. Ini merupakan alasan dan faktor kitab Jawi menjadi pilihan utama. Kitab-kitab lain yang mungkin ditulis sendiri oleh individu-individu tertentu atau milik peribadi seseorang yang tidak mendapat kebenaran Jabatan Mufti, tidak dibenarkan dalam pengajaran dan penyebaran. Namun demikian, ia bukanlah bererti kitab klasik Arab tidak dirujuk kerana penyelidikan dan pengkajian di peringkat tinggi, terutama di institusi pengajian tinggi tidak mempunyai sebarang masalah dan halangan daripada pihak berkuasa agama untuk tujuan membantu memantapkan pendidikan akidah dan menjelaskan aspek dan bidang Pemikiran Islam di NBD.²⁶

Dalam aspek metodologi, NBD mengaplikasikan dua bentuk metodologi berasaskan dua bidang besar dalam Islam, *Usulu'l-Din* dan *Syari'ah*. Walaupun pada dasarnya, ia berpaksikan ASWJ tetapi dari segi perinciannya, ia boleh dihuraikan seperti berikut:

Metodologi Pengajian Pemikiran Islam, Akidah dan Usuluddin terdiri daripada:

1. Al-Qur'an
2. Al-Hadith
3. Mazhab ASWJ:
 - a. Akidah al-Asy'ari
 - b. Akidah al-Asya'irah @ al-Asy'ariyyah.

Metodologi Pengajian Syariah dan fiqh pula terdiri daripada:

1. Al-Qur'an
2. A-Hadith
3. Mazhab al-Syafi'i [Fiqh al-Syafi'i dan al-Syafi'iyyah]:
 - a. Ijma'
 - b. Qiyas

Isu-isu akidah dalam *Usul fi al-'Aqa'id* terfokus kepada tiga aspek utama, *al-Tawhid*, *al-Nubuwwah* dan *al-Qiyamah*, manakala isu-isu akidah dalam *Furu' fi al-'Aqa'id* adalah pelbagai dan lanjutan daripada ketiga-tiga aspek utama tersebut. Kedua-dua aspek, *Usul* dan *Furu'* dalam akidah adalah sesuatu yang lazim dibincangkan dan dibahasakan dalam lingkungan masyarakat muslim bermazhab ASWJ. Isu dan cabarannya adalah pelbagai meliputi akidah, falsafah, tasawuf dan perbandingan agama mahupun pemikiran moden.

Dalam konteks NBD, isu, aspek dan perspektif yang diberi keutamaan adalah seperti yang biasanya di"titah"kan oleh Sultan Brunei, diwarwarkan oleh Jabatan Mufti dan Majlis Ugama Islam Brunei menerusi Pusat Da'wah Brunei, maklumbalas yang diterima daripada kehendak masyarakat NBD dan juga sesuatu ajaran tertentu yang ingin disasarkan oleh sesebuah ajaran sesat, dalam mahupun luar.

Isu-Isu Primer Masyarakat Muslim di NBD

Akidah Islam dan Akidah songsang

Berhubung dengan persoalan akidah, seperti dijelaskan NBD adalah berdasarkan akidah ASWJ, secara khusus, al-Asya'irah. Akidah selainnya dianggap songsang, salah, sesat dan menyeleweng. Dari segi pengajian akidah, Sifat 20 merupakan salah satu topik utama yang diajarkan dalam Pengajian umum di Balai,²⁷ manakala teks yang biasa ditemui mengenai akidah ialah *'Aqidah al-'Awwam @ Simpulan Iman bagi Orang Awam* oleh al-Marzuqi dan *Kasyf al-Muntazar*.²⁸

Akidah Islam sebagai persoalan terbesar dan terpenting tidak dapat lari daripada pelbagai isu dan cabaran khususnya daripada akidah sesat, salah, songsang dan menyeleweng. Namun, berdasarkan maklumbalas yang diterima, perkembangannya adalah sangat terkawal, hasil pemantauan berterusan pihak kerajaan NBD menerusi agensi-agensinya.²⁹

Dalam perkembangan pemikiran Islam di NBD, isu-isu sensitif mengenai akidah yang pernah wujud di NBD seperti berikut:

Zaman Sultan Abdul Momen (1852-1885), isu zat dan sifat Allah dicetuskan menerusi dua wakil aliran atau ulamanya, ortodoks terdiri daripada ulama al-Asya'irah dengan non-ortodoks alim bernama Hj Muhammad beraliran al-Wahhabiyyah.³⁰ Ia berkaitan dasar perselisihan di antara kedua-duanya ditambah lagi dengan perselisihan politik. Ia meninggalkan pengaruh dan kesan yang mendalam kepada NBD menerusi kemunculan dua buah masjid dengan dua orang Imam. Keadaan ini berlarutan untuk suatu jangkamasa yang agak panjang sehingga hampir 20 tahun dan hanya berakhir selepas kematian Hj Muhammad.

Dalam polemik pemikiran di atas, ia melibatkan dua aliran iaitu al-Asya'irah [ortodoks] dan al-Wahhabiyyah [ultra-ortodoks] yang mulai kelihatan dalam perkembangan pemikiran Islam pada abad ke-12/18 sehingga kini. Keadaan ini tidak mungkin akan berkesudahan kerana kedua-duanya masih wujud sehingga ke hari ini dan apatah lagi, kedua-duanya merupakan aliran yang disokong oleh para pemerintah negara masing-masing.

Oleh yang demikian, “*trend*” pengajian Islam di NBD ekoran daripada peristiwa tersebut mulai terfokus kepada satu mazhab sahaja, dengan pengetahuan tentang mazhab dan qaul yang lain dibenarkan tetapi hanya kepada mereka yang berkeahlian dan berkepakaran dalam bidang berkenaan semata-mata.³¹

Falsafah Islam dan Falsafah Barat

Dalam konteks Falsafah Islam, ia diterima berdasarkan acuan pemikiran ASWJ. Dalam bidang ini, seperti yang umum ketahui, falsafah tidak diterima dengan baik oleh ASWJ dan dalam sejarah perkembangannya, falsafah kelihatan berhadapan dengan pelbagai persoalan daripada pihak agamawan. Falsafah umumnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian, falsafah al-Ghazali [Sunni] dan falsafah teosofi. Falsafah teosofi yang diketuai tokoh-tokoh falsafah Islam terkemuka seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina seterusnya Ibn al-‘Arabi menerusi falsafah *Wahdat al-Wujud* sering dilihat sebagai pencabar terhadap falsafah Sunni al-Ghazali, yang pada akhirnya telah disenaraihitam dan dianggap salah dan sesat.

Pada era globalisasi, persoalan yang sama menimbulkan perbahasan, perselisihan dan pertentangan yang berpanjangan. Apa yang telah diperlihatkan dalam sejarah falsafah Islam, itulah juga yang berlaku pada era kini. Bagi negara yang memilih ASWJ sebagai mazhab pilihan, pertentangan ini akan berterusan kerana Ibn al-‘Arabi turut disokong golongan rasionalis, yang walaupun bilangan mereka tidaklah besar, tetapi pengaruh dan kesan pemikiran mereka tetap bertahan dan tidak begitu mudah dihapuskan. Oleh sebab itu, dalam konteks NBD, keadaan yang sama berlaku sehingga pewartaan fatwa faham *wahdat al-wujud* Ibn al-‘Arabi tidak dibenarkan.

Tasawuf Sunni dan Tasawuf Teosofi/Falsafi

Dalam bidang Tasawuf, sama seperti yang terjadi kepada bidang Falsafah, ia turut dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu “Tasawuf Sunni” [al-Ghazali] dan “Tasawuf Falsafi”. ASWJ di NBD hanya memperakui dan menerima “Tasawuf Sunni” dan menolak apa yang dikenali sebagai “Tasawuf Falsafi” kerana tasawuf tersebut dilihat mempunyai hubungan dan kaitan erat dengan aliran pemikiran al-Syi’ah, al-Mu’tazilah dan seumpamanya. Ajaran al-Batiniyyah daripada pengaruh Syi’ah al-Isma’iliyyah adalah ditolak sama sekali. Sumber-sumber tasawuf yang banyak digunakan adalah berdasarkan teks-teks seperti *Wisayah al-‘Afrāh* dan *Hidayat al-Walid li’l-Walad*.³² Seperkara yang menarik juga ditemui adalah *Ratib Saman* yang

dijadikan asas pengajian kepada mereka yang mempunyai pengetahuan Islam yang rendah.³³ Bagaimanapun tidaklah dapat dipastikan ratib ini sama ada merujuk kepada tarekat Sammaniyyah atau sebaliknya. Suatu perkara yang agak menarik juga adalah *Ratib al-‘Attas*³⁴ yang disusun oleh al-Marhum *al-‘Arif bi’l-Llah* al-Habib ‘Umar bin ‘Abd al-Rahman al-‘Attas (r.a) [m.1072H di Huraidah, Hadramawt] dikatakan bakal dijadikan zikir rasmi pada mungkin jangka masa panjang memandangkan ia telah diterima oleh pihak berkuasa agama dan telah diamalkan pada peringkat awal dalam majlis-majlis tertentu.³⁵

Dalam bidang ini, daripada senarai ajaran sesat yang dapat dikesan dan dikenalpasti, kebanyakan ajaran sesat di NBD berhubung rapat dengan bidang tasawuf. Di antara ajaran yang telah dikesan, difatwakan dan diwartakan pengharamannya adalah seperti Tarekat Mufaridiyyah [1973] dan Tarekat Abdul Razak [1989].³⁶

Dalam pengalaman NBD, pengaruh luar dalam bidang ini adalah sangat terbatas seperti daripada negara-negara serantau termasuk dari Indonesia. Salah satu kes yang berlaku pada kurun ke-20 dikatakan melibatkan hubungan di antara ulama Brunei dengan Indonesia semasa mereka berada di kota Makkah. Contohnya, pengambilan ilmu tarekat Ahmad Khatib Sambas yang disebutkan sebagai guru silsilah tarekat Qadiriyyah kepada salah seorang ulama besar Brunei iaitu Pehin Datu ..Hj Abdul Mukti.³⁷

Agama budaya [al-Wad‘iyyah] – Hinduisme dan Buddhisme

Agama budaya khususnya Buddhisme dan Hinduisme turut ditolak daripada mempengaruhi masyarakat muslim di NBD. Bentuk pemikiran agama budaya ini dapat dilihat menerusi teori, doktrin dan amalan tertentu yang berlawanan dengan Islam bercorak ASWJ. Pengharaman Yoga di Malaysia misalnya turut memberikan pengaruh dan kesan kepada budaya beragama di NBD. Maklumat yang diperolehi menunjukkan pihak berautoriti agama NBD telah mengambil tindakan awal untuk menghalangi dan mencegah perkara tersebut daripada berleluasa. Ajaran ini berpengaruh kepada masyarakat Muslim terutama Melayu di NBD, kerana umum telah mengetahui bahawa rantau ini telah didahului kepercayaan Hinduisme dan Buddhisme sebelum kewujudan Islam. Proses “*wipe-out*” doktrin, teori dan seumpamanya akan mengambil masa kerana ia memasuki hampir semua aspek kehidupan dan kepercayaan manusia.³⁸

Kepercayaan baru – ideologi barat dan Isme

Kepercayaan-kepercayaan baru membabitkan ideologi dan Isme [Faham] Barat telah diberikan perhatian dan diambil tindakan lebih awal untuk menghalangi perebakan pengaruhnya. Dengan kata-kata lain, NBD mengambil “*preventive actions*” yang agak cepat berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini.

Dalam sesi temubual bersama para penyelidik NBD, mereka menjelaskan bahawa pihak berkuasa agama sentiasa memberikan perhatian, pemerhatian dan pemantauan yang rapi dan mendalam terhadap sebarang perkembangan berkaitan pemikiran, ideologi, dogma, doktrin, teori, isme dan lain-lain yang berlaku di negara-negara jirannya, terutama Indonesia, Malaysia, Thailand, Filipina dan Singapura menerusi pelbagai sumber berita, maklumat dan informasi dalam dan luar, terutama yang dikeluarkan oleh media cetak dan media elektronik.

Sesuatu bentuk pemikiran baru yang muncul dan dipaparkan dalam kedua-dua media, akan dicari maklumat, dikaji dan dibahaskan sebelum diambil tindakan awal berbentuk pencegahan yang sewajarnya. Menurut keterangan yang diberikan, pihak

berkuasa agama lebih bersifat pragmatik kerana mengambil tindakan yang cepat dalam bentuk pencegahan walaupun sebelum sesuatu fatwa diwartakan. Oleh kerana NBD bersaiz kecil, sesuatu perkembangan lebih mudah diperhati dan dipantau. Dengan demikian, pengaruh dan kesan yang dirasakan dan dialami masyarakat muslim di NBD lebih rendah berbanding negara-negara lain.³⁹

Kajian memperlihatkan beberapa bentuk pemikiran ini menyusup masuk ke NBD seperti Baha'iyah atau Babiyyah [1961], Qadiani @ Ahmadiyyah [1989], Pluralisme, Liberalisme dan seumpamanya. Bagaimanapun, setakat kajian ini ideologi dan isme Barat belum menampakkan impaknya kepada pemikiran Islam masyarakat Muslim di NBD, namun kekusaran tetap wujud memandangkan era globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang tetap dilihat sebagai cabaran-cabaran yang terpaksa di tangani dengan sebaiknya terutama kepada generasi muda dan belia.

Kepercayaan paganisme, animisme dan dinamisme

Kepercayaan paganisme, animisme dan dinamisme telah mendapat tempat dan perhatian di kalangan pihak berautoriti agama NBD. Pengaruh dan kesannya dapat dilihat dengan ketara dalam adat resam dan budaya masyarakat Muslim Melayu NBD yang masih tidak dapat lari daripada elemen perbomohan, pendukunan, pawang, guru silat dan seumpamanya.

Ajaran Kebatinan berpengaruh Jawa daripada pengaruh Animisme dan Dinamisme tertolak dengan sendirinya kerana pertentangannya dengan ASWJ. Pengaruh kepercayaan ini masih tidak dapat ditangani secara efektif berdasarkan laporan dan fatwa yang telah digazetkan. Ia masih tetap wujud, sama ada kerana kepercayaan masa lampau, akidah yang masih belum mantap, pengaruh daripada dalam NBD sendiri mahupun pengaruh luar dari kawasan serantau.

Perbomohan, perdukunan, pepawangan, perguruan dan persilatan dengan jampi-serapah dan mantera [mantra], turut menjadi isu penting untuk dikaji dan diteliti kerana hubungannya yang cukup erat dan mendalam dengan kepercayaan, dogma dan doktrin daripada paganisme, animisme dan dinamisme.

Lain-lain

Ia boleh merujuk kepada kepercayaan khurafat, bid'ah dan karut hasil rekaan dan mitos atau legenda dahulu-kala masyarakat di nusantara. Contoh: Percaya kepada lokasi tertentu seperti busut yang dianggap "keramat" untuk tujuan pemujaan bagi kegiatan nombor ekor dan seumpamanya.

Dari senarai yang dianggap salah dan sesat, kepercayaan dalam bentuk ini masih banyak berlaku dalam masyarakat Muslim di NBD, walaupun pelbagai usaha dan ikhtiar pihak berkuasa agama dilakukan untuk membasminya. Ia sesuatu yang agak sukar diatasi atau dihapuskan terutama apabila masyarakat Muslim itu sendiri belum begitu "celik agama."

Cabaran-cabaran Dalam Pemikiran Islam:

Cabaran-cabaran dalam Pemikiran Islam kepada masyarakat Muslim NBD dapat ditinjau daripada ketiga-tiga aspek utama berikut iaitu falsafah "Melayu-Islam-Beraja." Tekanan dan tanggungjawab yang besar adalah untuk mempertahankan dan mengekalkan slogan dan falsafah tersebut di era globalisasi, dunia tanpa sempadan dan celik IT. Pihak pemerintah dan pihak berkuasa agama sedia maklum dengan kenyataan ini, sehingga mereka telah mengambil langkah dan tindakan awal untuk

memastikan perkara yang tidak diinginkan yang boleh menggugugat kestabilan NBD ditangani dengan cara bijaksana dan berkesan.

Cabaran-cabaran luar NBD turut diberikan perhatian, bahkan dengan cara yang lebih tegas dan praktikal kerana ia membabitkan aspek-aspek ketenteraman awam dan keselamatan Negara.

Cabaran-cabaran kepada masyarakat Muslim di NBD dalam perkara dan persoalan berkaitan Pemikiran Islam bolehlah diringkaskan seperti berikut:

Islam Agama Rasmi

Agama rasmi Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah Islam sebagai termaktub dalam perlembagaan NBD. Cabaran terhadap agama Islam sebagai agama rasmi tentulah datang daripada agama-agama yang tidak rasmi seperti Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain. Dalam era globalisasi, cabaran terbesar di NBD datangnya daripada gerakan Kristianisasi yang bukan sahaja menyebarkan pengaruhnya di NBD bahkan di merata dunia terutama di rantau Asia Tenggara. Kekeliruan dan perselisihan biasanya timbul kerana Islam dan Kristian merupakan agama samawi yang mempunyai punca, asas dan dasar yang sangat rapat. Oleh itu, kajian perbandingan agama sangat penting untuk memperjelaskan perbezaan dan persamaan kedua-duanya dalam usaha mengelakkan kekeliruan dan memperbetulkan kefahaman masyarakat muslim di NBD.

Islam dan ancaman

Cabaran dalam usaha mempertahankan Islam sebagai agama rasmi dilihat sangat penting dalam konteks NBD. Gugatan dan ancaman terhadapnya sentiasa wujud, justeru pihak berkuasa agama mengambil usaha dan langkah untuk bertindak terhadap pihak-pihak yang cuba berbuat demikian. Biasanya tindakan dan hukuman tidak berdasarkan peruntukan dalam Islam itu sendiri. Sebaliknya, tindakan dan hukuman terhadap para pesalah agama hanya boleh dilakukan menerusi perkara-perkara berkaitan “ketenteraman awam” dan “keselamatan dalam negara” sahaja.

Islam dan pengukuhan

Cabaran dalam usaha mengekalkan dan mempertahankan kedudukan Islam sebagai “a way of life” bagi masyarakat Muslim khususnya golongan Melayu menerusi usaha dan langkah secara berterusan oleh pihak berkuasa agama, terutama Pusat Da’wah Islamiah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan seminar, road-show, ceramah dan program lain kepada masyarakat muslim. Persoalan pemantapan keilmuan Islam kepada masyarakat muslim merupakan perkara besar kerana kelemahan dalam ilmu akan menggugat kekuatan Islam itu sendiri. Selain itu, cabaran dalam usaha memantapkan dan mengukuhkan keislaman masyarakat muslim terutama golongan saudara baru yang masih dalam proses pemantapan keislaman mereka. Proses memeluk Islam pada peringkat awal perlu disusuli dengan proses seterusnya dari segi pengisian Islam dan pengukuhanannya. Di NBD, proses pengislaman begitu rancak dilakukan dan bahkan media massa sering mewarwarkan perkara tersebut secara terbuka untuk pengetahuan umum.

Islam dan Pihak berkuasa agama

Cabaran kepada pihak berkuasa agama untuk menyalurkan dan menyebarkan maklumat yang wajar diketahui dan tidak wajar diketahui oleh bakal pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negara, menerusi kursus dan bimbingan mengenai Islam dan mengenai aliran pemikiran [mazhab] yang diamalkan di NBD, di samping

aliran-aliran lain yang tidak relevan dan tidak boleh diikuti masyarakat muslim NBD. Dalam era globalisasi dengan lambakan sumber maklumat yang begitu banyak, pilihan adalah besar bagi masyarakat muslim untuk menentukannya.

Islam dan Pihak berkuasa agama

Cabaran dalam usaha dan langkah untuk mengekalkan keautoritian dan kekuasaan badan tertinggi berkaitan Islam diketuai Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), kerana ia berdasarkan peruntukan yang diberikan, tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan berkaitan Islam. Majlis Ugama Islam Brunei dari segi hierarki pentadbiran merupakan badan penasihat tertinggi kepada Sultan Brunei dalam hal ehwal ugama. Bagaimanapun, Sultan Brunei tidak semestinya menerima nasihat tersebut secara menyeluruh. Ia hanyalah dalam bentuk memberikan nasihat dan pandangan kepada kerajaan dalam isu-isu berkaitan Islam. Bagaimanapun, maklumbalas diterima memperlihatkan bahawa Sultan Brunei dalam hal-hal berkaitan Islam, biasanya tidak akan membuat sebarang keputusan atau tindakan tertentu sebelum mendengar pandangan dan nasihat secara langsung daripada MUI Brunei. Ini menunjukkan kedudukan MUI Brunei begitu penting berkaitan Islam sebagai sumber rujukan dan nasihat kepada institusi beraja.⁴⁰

Islam dan Pihak berkuasa agama

Cabaran kepada usaha dan langkah kepada pihak berkuasa agama untuk mengelakkan tercetusnya sebarang bentuk polemik, kontroversi dan ketegangan yang cuba ditimbulkan oleh seseorang atau sesuatu pihak, dan juga campurtangan dan cabaran terhadap aliran pemikiran ASWJ yang dinaungi mereka, dan tindakan dalam pelbagai bentuk yang disediakan kepada mereka yang cuba mengganggu keselamatan negara dan ketenteraman awam masyarakat muslim. Tindakan dan hukuman yang dikenakan biasanya tidak berkaitan dengan hukuman dalam Islam, kerana mereka dihukum berdasarkan hukuman sivil.

Islam dan Falsafah MIB

Cabaran dalam usaha untuk mengekalkan falsafah negara “Melayu Islam Beraja” seperti dikatakan oleh Dr Hj Md Zain, “to ensure perpetual continuity of the historical heritage of the Malay...teaching of Islam... The problem is what should be the best method...”⁴¹ NBD agak unik, kerana Islam berada di tengah-tengah di antara Melayu dan Beraja. Kedudukan Islam di antara kedua-duanya seumpama “*al-manzilah bayn al-manzilatayn*” adalah sangat penting dan sangat mencabar.

Islam dan Institusi Beraja

Cabaran terhadap institusi raja yang berusia 700 tahun dari segi pengekalannya kerana hubungannya yang rapat dengan Islam. Cabaran terhadap konsep ketaatan masyarakat Muslim Melayu kepada khalifah/sultan/raja, konsep ketaatan masyarakat muslim kepada khalifah/sultan/raja dalam Islam yang dianggap salah satu syarat beragama.⁴² Demikian juga cabaran terhadap peranan agama untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan institusi raja seperti yang ditunjukkan dalam Perang Kastilla [1578] dan peranan kelas Dewasa ugama selepas tamat peristiwa 8 Disember 1962, hinggakan pada tahun 1963, dasar baru telah dimasukkan.⁴³ Dari sudut ASWJ di NBD, konsep *Uli al-Amr* boleh ditafsirkan merujuk kepada sultan dan kerajaan yang sah.⁴⁴

Islam dan Masyarakat Muslim

Cabaran kepada masyarakat muslim awam dari segi respons dan tindakbalas terhadap sesuatu ajaran dan pengajaran berkaitan pemikiran Islam, maklumbalas masyarakat muslim sangat penting untuk menentukan kelangsungan dan tindakan cepat dan segera diambil oleh pihak berkuasa agama terhadap sesuatu ajaran, dakwah dan usaha mempengaruhi masyarakat Muslim NBD yang dilakukan oleh orang perseorangan, kumpulan mahupun gerakan tertentu. Dengan maklumbalas tersebut, pihak berkuasa agama dengan autoriti mereka akan mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang terbabit.

Islam dan Masyarakat Muslim

Cabaran berkaitan kemasyarakatan atau *social problems* yang wujud adalah kecil, kerana NBD secara relatifnya kecil dan boleh ditangani dengan segera. Masalah masyarakat muslim akan tetap wujud selama manusia dan masyarakat itu wujud, cuma ia bergantung kepada besar atau kecil, mudah atau sukar untuk diselesaikan. Contoh: cabaran menerusi isu “pengkid” di Malaysia walaupun masih belum wujud di Brunei, tetapi ia tetap diberikan perhatian berat untuk dielakkan agar NBD tidak dipengaruhi.

Islam dan Masyarakat Muslim

Cabaran terhadap identiti dan jatidiri masyarakat muslim NBD seperti disarankan oleh Hj Awang Yahya, “usaha orang Brunei untuk survival diri dan mendaulatkan agama itu mengikut cara mereka sendiri.”⁴⁵ NBD menghendaki Islam diimplementasi menurut kehendak orang Brunei sendiri dan bukannya menurut kehendak orang lain ke atas orang Brunei. Dengan kata-kata lain, Islam beridentiti Brunei atau Brunei dengan identiti Islamnya yang tersendiri.

Islam dan Cabaran luar

Cabaran terhadap Islam tentulah datang daripada bukan Islam dan di luar Islam itu sendiri. Seperti yang pernah berlaku pada abad ke-16M menerusi kristianisasi Sepanyol, ia tetap menghadirkan permasalahan kepada masyarakat muslim di NBD. Ini kerana dikatakan sebahagian masyarakat muslim di NBD, mengakui kebenaran dan ketinggian Islam sekiranya para pengkaji Barat bukan muslim mengatakan Islam itu tinggi.⁴⁶ Cabaran kepada para cendekiawan muslim NBD adalah untuk menfokuskan perhatian kepada aspek-aspek yang digunakan oleh musuh-musuh Islam untuk melalaikan masyarakat muslim seperti pernah dilakukan Snouck Hughronje. Sehubungan dengan itu, dalam konteks kebebasan beragama, ia juga memberikan cabaran kepada NBD untuk mengekal dan menegadkannya dalam lingkungan yang dibenarkan sahaja.⁴⁷

Islam dan Cabaran luar

Cabaran terhadap pihak berkuasa agama dan masyarakat muslim keseluruhannya untuk menghindari diri daripada gerakan dan pertubuhan sulit yang bermotifkan kebajikan seperti Free Masonry, Kelab Zionis, Zionisme Yahudi dan sebagainya. Dikatakan *Free Mansonry* dan *Masuniah* difokuskan untuk memikat golongan atasan, kelab Rotary ditujukan kepada golongan pertengahan dan kelab Lions pula ditumpukan kepada golongan bawahan masyarakat muslim.⁴⁸

Islam dari segi sumber dan metodologi

Cabaran dalam usaha meningkatkan kualiti sumber ilmu-ilmu Islam khususnya dalam bidang akidah dan pemikiran Islam. Ini kerana berdasarkan kajian ini, sumber

pemikiran Islam bagi masyarakat muslim NBD amat terbatas dan tertumpu kepada sumber kitab Jawi semata-mata. Kitab-kitab klasik Arab yang primer hanya menjadi sumber rujukan di institusi pengajian tinggi sahaja. Begitu juga, penulisan dan penerbitan bahan-bahan berkaitan pemikiran Islam untuk edaran dalam NBD hasil penulisan tokoh ulama dan cendekiawan NBD amat terhad dan terbatas untuk tujuan mengilmukan masyarakat muslim. Oleh itu, NBD mungkin perlu lebih banyak bergantung kepada sumber luar, dan informasi dan maklumat daripada sumber luar tentunya berbeza dengan keutamaan dan keperluan NBD itu sendiri. Dari segi metodologi pula, al-Qur'an dan bidang pentafsiran al-Qur'an itu sendiri merupakan suatu cabaran yang besar khususnya dalam proses penghuraian dan pembahasannya. Ini kerana terdapat banyak bentuk tafsir yang mempunyai perspektif dan fokus yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Begitu juga dengan al-Hadith dan bidang syarahan al-Hadith yang digunapakai dan yang akan diimplementasikan dalam Islam. Cabaran paling getir adalah terhadap kedudukan akal, fungsi dan peranannya dalam memperolehi hujah, dalil dan bukti bertujuan untuk mengukuhkan sesuatu persoalan dengan cara yang menyakinkan. Cabaran ini menjadi sangat besar di era globalisasi kepada masyarakat muslim di NBD.

Islam dan Usuluddin/Akidah

Cabaran dalam usaha untuk mengukuhkan Islam menerusi pengukuhan akidah, usuluddin dan pemikiran Islam menjadi suatu bebanan yang besar. Apatah lagi, bidang usuluddin merupakan teras dan fundamental dalam Islam, dan kekuatan atau kelemahan dalam aspek ini bakal mengundang masalah yang amat besar sekiranya tidak ditangani dengan bijaksana. Di NBD dan bahkan di negara-negara serantau, generasi pelapis muslim lebih menjuruskan pemikiran mereka kepada bidang syariah kerana permintaan masyarakat Muslim begitu besar terhadap persoalan tersebut. Secara langsung, ia menyediakan ruang kosong yang agak kritikal untuk diisi, terutama untuk menyelesaikan permasalahan akidah, usuluddin dan pemikiran Islam dalam bidang berkaitan.

Islam dan Usuluddin dan Syariah

Cabaran berkaitan Islam dalam era kini lebih banyak menjurus kepada bidang syariah, berbanding Usuluddin dan akidah. Di NBD, pada umumnya tuntutan dan permintaan masyarakat muslim lebih tertumpu kepada bidang syariah dengan aspek-aspek hukum-hakam menjadi keutamaan. Bidang syariah tidak menyediakan jawapan kepada persoalan akidah, dan pemberatan yang tidak seimbang akan merencatkan proses pengukuhan akidah pada jangka masa panjang. Aspek-aspek berkaitan akidah, usuluddin dan pemikiran Islam tidak banyak dibincangkan, bahkan tidak dipersoalkan dan diperpanjangkan kerana dibimbangi akan menggugugugat keyakinan, kepercayaan dan akidah yang sedia dipercayai masyarakat muslim. Apatah lagi aspek-aspek tersebut dilihat sebagai suatu yang berat dan sukar, yang diserahkan kepada budibicara pihak berkuasa agama untuk menentukannya. Dengan kata-kata lain, mereka menerima apa yang ditetapkan pihak berautoriti tanpa soal jawab. Situasi dan keadaan ini boleh melemahkan masyarakat muslim yang kelihatan lebih cenderung kepada elemen pemikiran al-Jabariyyah, hingga pada akhirnya boleh membantut dan menggugat kemantapan akidah dan pemikiran masyarakat muslim itu sendiri.

Islam dan ASWJ

Cabaran dalam usaha-usaha dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan aliran pemikiran atau mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah⁴⁹ sebagai

aliran pemikiran atau mazhab rasmi. Usaha-usaha ke arah pemantapan ASWJ berjalan dengan lancar dan berterusan selari dan selaras dengan penyebaran dan pendakwahan Islam di seluruh NBD. Cabaran ini adalah yang terkuat dan terpenting kerana seperti diterangkan sebelumnya, lawan dan tandingan utama kepada ASWJ masih dan tetap akan wujud walaupun bukanlah di NBD, dan bahkan aliran-aliran yang disenaraikan sebagai salah, sesat dan menyeleweng menurut pandangan NBD, telah menjadi begitu dominan dalam era globalisasi kini dan bahkan menjadi aliran pemikiran rasmi di negara-negara tersebut. Contoh: Syi'ah di Iran dan 'Iraq, al-Ibadiyyah di Oman, Wahhabiyyah di Arab Saudi dan sebagainya.

Islam, ASWJ dan ikhtilaf

Cabaran terhadap perbezaan aliran pemikiran boleh dikatakan hampir tidak wujud di NBD kerana pihak istana, pihak berkuasa agama dan masyarakat muslim di Brunei telah sedia maklum tentang aliran dan bentuk pemikiran Islam di NBD. Namun, cabaran dalam aspek kemazhaban adalah sesuatu yang tidak dapat ditolak dan dielakkan dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Apatah lagi Brunei sendiri memilih mazhab tertentu sebagai ikutan dan tidak memberikan ruang dan peluang kepada mazhab lain turut bersama-sama. Dengan tidak memberikan peluang kepada aliran lain, cabarannya akan menjadi lebih besar terutama dalam usaha menghindari aliran atau mazhab tersebut daripada sebarang bentuk gugatan dan ancaman.

Islam, ASWJ dan Taqlid

Islam tanpa mazhab tidak diterima kerana NBD telah memilih untuk menetapkan ASWJ sebagai mazhab rasmi. Keadaan ini lazim ditemui di negara-negara serantau juga. NBD tidak menerima pandangan golongan tertentu dalam Islam yang mengatakan “dalam Islam, tiada mazhab” seperti golongan al-Salafiyyah. Budaya bertaklid adalah dibenarkan tetapi bertaklid biasanya dihubungkan dalam bidang syariah semata-mata, contohnya, bertaklid kepada mazhab al-Syafi'i dalam fiqh. Dalam bidang usuluddin, persoalan taklid tidak mendapat tempat, memandangkan Islam menghendaki setiap mukallaf untuk mempunyai akidah mengikut kewajiban dan tanggungjawab [*al-taklif*] dan kemampuan [*al-istita'ah*] masing-masing. Apatah lagi setiap individu bertanggungjawab terhadap pilihan yang mereka lakukan untuk diri mereka. Dengan kata-kata lain, ia merupakan suatu cabaran terhadap diri setiap individu untuk menentukan dan menetapkan akidah dan keimanan yang mereka sendiri pilih untuk dipercayai dan diimani. Kajian ini memperlihatkan bahawa dalam persoalan ini, orang perseorangan sama ada dari luar mahupun dalam NBD yang memilih untuk mempercayai dan mengamalkan akidah yang berbeza dengan majoriti masyarakat muslim NBD boleh berbuat demikian secara tertutup dan ia dilihat bersifat peribadi, tetapi seseorang itu tidak boleh dan tidak dibenarkan menyebarkannya kepada masyarakat awam.

Kesimpulan

Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan sebuah kerajaan yang mengamalkan falsafah Negara “Melayu Islam Beraja.” Kedudukan Islam sebagai agama “rasmi” turut meliputi kedudukan Muslim khususnya Melayu sebagai suatu bangsa yang mendapat keistimewaan dan kedudukan yang tinggi. Islam dalam konteks NBD dari segi kepercayaan dan pengamalan adalah beracukan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam bidang Usuluddin dan mazhab al-Syafi'iyyah pula dalam bidang syariah. Dari segi sumber dan metodologi, NBD melaksanakan dua

bentuk metodologi. Pertama, dalam bidang Usuluddin, berdasarkan al-Qur'an, al-Hadith dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) [merujuk kepada al-Asy'ari dan al-Asya'irah], manakala dalam bidang syariah pula, bersumberkan al-Qur'an, al-Hadith dan al-Syafi'i dan al-Syafi'iyah.

Kajian juga memperlihatkan pelbagai isu dalam pelbagai aspek Pemikiran Islam dapat diperhatikan di antaranya, dalam bidang akidah terutama isu kemazhaban, umumnya, ia berada dalam kawalan pihak berkuasa agama dan diawasi masyarakat muslim. Isu yang lebih besar adalah cara dan strategi untuk memperkembangkan pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) ke merata pelusuk NBD dan kepada semua muslim dan bahkan non-muslim. Dalam bidang tasawuf, isu tasawuf falsafi timbul kerana kebanyakan pemikiran tasawuf dikaitkan dengan ajaran sesat dan salah. Selain itu, ajaran al-Batiniyyah dan kebatinan [berpengaruh animisme] berpengaruh secara dalaman dan luaran. Dalam bidang kepercayaan terutama agama budaya tidak kelihatan begitu jelas kerana agama selain Islam tidak begitu dominan dan umumnya terpencil. Dalam bidang kepercayaan baru terutama ideologi dan isme, isu ini dilihat dan ditangani secara serius memandangkan pengaruh dan impaknya amat besar kepada perkembangan pemikiran muslim terutama negara serantau dan NBD juga. Dalam bidang kepercayaan paganisme, proses pendidikan masyarakat muslim masih berterusan untuk mencelikkan mereka kerana kelihatan kepercayaan yang telah menjadi darah dan daging masyarakat tradisional masih belum berjaya dihapuskan secara menyeluruh. Aspek ini banyak dilihat dalam kebatinan tempatan, perbomohan, persilatan dan selainnya. Kepercayaan khurafat dan bid'ah masih berpengaruh dalam masyarakat umum, termasuklah masyarakat muslim sendiri.

Rentetan daripada pelbagai isu, pelbagai cabaran pula dapat dilihat di antaranya cabaran berkaitan Islam datangnya daripada Kristian dan kristianisasi terutama terhadap Muslim Melayu dan non-muslim Melayu melibatkan proses pendakwaan dan proses pendakwaan. Pada jangka masa panjang, ia memberikan impak yang besar terhadap perkembangan Islam. Islam dan proses Islamisasi masyarakat muslim itu sendiri dilakukan secara berterusan terutama golongan muslim baru [di NBD disebut sebagai muallaf atau saudara baru] dan bahkan muslim itu sendiri. Pengukuhan keislaman amat penting dalam era globalisasi kerana cabaran dalam dan luar. Dalam konteks Islam dan ancaman dalam dan luar, biasanya cabaran diletakkan dan dikelaskan dalam perkara "ketenteraman awam" dan "keselamatan negara." Islam dan pengukuhan mazhab ASWJ dalam pemikiran masyarakat muslim NBD, terutama dalam era terkini dan dunia tanpa sempadan yang menyaksikan kemasukan pemikiran dan aliran selain Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) ke dalam NBD. Bidang Usuluddin sering kali dilihat berat dan sukar, justeru tumpuan kepada bidang ini agak longgar sedangkan permasalahan dan persoalan mengenainya banyak, mendalam, tidak dapat difahami secara mudah dan memerlukan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Kedudukan pihak berkuasa agama mempunyai kedudukan yang tinggi dan memainkan peranan yang penting berkaitan Islam. Cabaran kepada mereka datang dari dalam dan juga dari luar institusi berkenaan yang perlu ditangani terutama keupayaan para cendekiawan di bidang administrasi menyelesaikan dan menangani pelbagai isu pemikiran Islam. NBD agak unik kerana mendokong falsafah negara "Melayu Islam Beraja" yang pastinya perlu dipertahankan dan bahkan diperkukuhkan untuk kekal pada jangka masa panjang. Masyarakat muslim di semua peringkat berhadapan cabaran besar dalam era globalisasi dengan proses pendakwaan menerusi pengaruh luaran di luar NBD.

Secara keseluruhannya, kajian dan penyelidikan mengenai isu dan cabaran terhadap Pemikiran Islam di NBD dalam era globalisasi memperlihatkan bahawa NBD berjaya menangani dan mengatasi pelbagai isu dan cabaran dengan baik.

Bibliografi:

- Jabatan Mufti Kerajaan dan Jabatan Perdana Menteri, *Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Penjana Tamadun Islam*, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, Cet.I, 2006.
- Pengiran Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd.Rahman, *Islam di Brunei Darussalam*, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Cet. 1, 1992.
- Awang Haji Metussin bin Haji Baki, *Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Hal Ehwal Syara'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Cet.1, 1993.
- Pusat Da'wah Islamiah, *Ringkasan Akidah Ahli Sunnah wal Jemaah*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.2, 1994.
- Pusat Da'wah Islamiah, *Mimbar Fatwa 8: al-Imam al-Mahdi al-Muntazar*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 1995.
- Jabatan Pengajian Islam, *Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 1996.
- Prof. Dato' Dr Haji Mahmud Saedon Awang Othman, *Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 1996.
- Dayang Hajah Middeni binti Haji Lamit, *Ahli Sunnah wal-Jamaah dan Lain-Lain Aliran*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 1418H/1997M.
- Pusat Da'wah Islamiah, *Proses Dakwah Kepada Non Muslim di Negara Brunei Darussalam*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 1997.
- Pehin Jawatan Luar Pekerma Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Cet. 1, 1998.

- Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya, *Menghayati Sastera Islam Abad ke-21*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 1998.
- Department of Mosque Affairs, *Mosques in Brunei Darussalam*, Department of Mosque Affairs, Ministry of Religious Affairs, Brunei Darussalam, 1st Edition, 2000.
- Unit Kajian dan Penyelidikan, *Akidah dan Penyelewengannya*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 2000.
- Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja (MIB)*, Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.I, 1421H/2000M.
- Dato Paduka Seri Setia Prof Dr Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman dan Awang Norarfan bin Haji Zainal, *Ajaran Sesat di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*, Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.II, 1425H/2004M.
- Pusat Da'wah Islamiah, *Kepercayaan Masyarakat Cina, Iban dan Dusun di Negara Brunei Darussalam*, Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 1426H/2005M.
- Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Cet. 1, 2007.
- Pusat Da'wah Islamiah, *Jauhilah Sihar*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.2, 1428H/2007M.
- Dayang Hajah Zakiah binti Haji Taib, *Memperkukuhkan Akidah Dalam Era Globalisasi*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.2, 1428H/2007M.
- Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Awang Md Zain bin Haji Serudin, *Brunei An Islamic Nation: Islamic Background*, Islamic Da'wah Centre, Ministry of Religious Affairs, Negara Brunei Darussalam, 1428H/2007A.D.
- Norarfan bin Haji Zainal, *Perkembangan Ajaran Sesat di Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis Mengenai Punca, Implikasi dan Cadangan Mengatasinya*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Cet.1, 1428H/2007M.

- Dr Mohammad Ady Zaki Haji Matasim, *Al-Quran Penawar Histeria*, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Cet.3, 2008.
- Majlis Ugama Islam, *Kuasa, Tugas dan Tanggungjawab*, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, 1429H/2008M.
- Jabatan Mufti Kerajaan, *al-Hadaf: Penyampai Wawasan Institusi Fatwa*, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, Tahun 12, Bil.2, Rabiulawwal – Jamadilakhir 1429 * April – Jun 2008.
- Pusat Da'wah Islamiah, *al-Huda*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Bil: 110, Ogos 2008M/1429H.
- Pusat Da'wah Islamiah, *Muslimin*, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Tahun 20 Bil. 8, Rejab – Syaaban 1429H/ Ogos 2008M.
- Pusat Da'wah Islamiah, *Pusat Da'wah Islamiah*, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, t.t.
- Al-Ustaz al-Duktur Sabir Ahmad Taha, *al-Da'wah al-Islamiyyah fi Brunei Dar al-Salam 'Abr al-'Usur* [Perkembangan Dakwah Islam di Brunei Darussalam], Cet.1, 1428H, 2008M.
- Bahagian 'Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, *Ratib al-'Attas*, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, t.t.
- Pamflet "Hindari Ajaran Sesat", Bahagian Kawalan Aqidah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, (Bangunan Lama), Jalan Elizabeth BS3510, Negara Brunei Darussalam.

Nota hujung

¹ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi Melayu Islam Beraja*, cet.1, (Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, 1421H/2000M), 148.

² Majlis Ugama Islam Brunei, *Majlis Ugama Islam NBD: Kuasa, Tugas dan Tanggungjawab*, (Brunei: Jabatan Majlis Ugama Islam, 1429H/2008M), 3.

³ Dr Hj Md Zain bin Hj Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, cet.1, (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 204 dan 207.

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid*, 207-208.

⁶ Majlis Ugama Islam Brunei, *Majlis Ugama Islam NBD: Kuasa, tanggungjawab*, 1-2.

⁷ *Ibid*, 6.

⁸ *Ibid*, 20.

⁹ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi MIB*, 143.

¹⁰ *Ibid*, 143.

¹¹ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *ibid*, 1-2; Dr Hj Md Zain Hj Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 223.

¹² Interview bersama kebanyakan responden terutama para pegawai agama di institusi masing-masing di Negara Brunei Darussalam pada 18 Disember 2008.

- ¹³ Lihat: Pusat Da'wah Islamiah, *Ringkasan Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, cet.2, (Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 1994); Dayang Hajah Middeni binti Haji Lamit, *Ahli Sunnah wal-Jamaah dan Lain-lain Aliran*, cet.1, (Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 1418/1997); Unit Kajian dan Penyelidikan, *Akidah dan Penyelewengannya*, (Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 2000), 3-4.
- ¹⁴ Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 133-149.
- ¹⁵ Dr Haji Mohammad bin Haji Abd. Rahman, *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*, cet.1, (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007); Lihat: P.L. Amin Sweeney, "Silsilah Raja-Raja Brunei," dlm. *JMBRAS*, Vol.41, bhg.2, (1968), 48.
- ¹⁶ Pusat Da'wah Islamiah, *Ringkasan Akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah*, 129.
- ¹⁷ Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 202.
- ¹⁸ *Ibid*, 202.
- ¹⁹ Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 195-202. (Teks yang popular seperti *Sabil al-Muhtadin*, *al-Mukhtasar*, *Sirat al-Mustaqim*, *Ghayat al-Taqrif*, *Idah al-Bab*, semuanya bermazhab al-Syafi'i dengan kebanyakannya dalam bahasa Melayu. Alasannya adalah kerana penguasaan bahasa Arab yang kurang dan juga kerana sumber asal sangat sukar didapati di NBD.[Lihat juga: Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi Melayu Islam Beraja*, cet.1, (Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, 1421H/2000M), 103; Dr Haji Awang Md Zain bin Haji Serudin, *Brunei the Islamic Nation: Islamic Background*, 34])
- ²⁰ Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *ibid*, 200.
- ²¹ Interview dengan Haji Kasim bin Muhammad, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah bersama beberapa orang pegawai lain daripada Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, pada 18/12/2008 di pejabatnya jam 11.00 – 1.00 tengahari. Contohnya, "Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Perlis" tidak dianggap sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) menurut kerangka dan acuan pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) Negara Brunei Darussalam kerana ia bukanlah seperti yang lazim difahami pihak berkuasa agama dan masyarakat muslim di negara tersebut.
- ²² Interview dengan para penyelidik Bahagian Kawalan Akidah di pejabat mereka pada 18 Disember 2008, jam 11.00 - 1.00 tengahari.
- ²³ Pusat Da'wah Islamiah, *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah dan lain-lain Aliran*, cet.1, (Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 1418H/1997M, ii-iii).
- ²⁴ Lihat: Unit Kajian dan Penyelidikan, *Akidah dan Penyelewengannya*, cet.1, (Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 2000); Dr Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman [Dato Paduka Seri Setia Prof] dan Awang Norarfan bin Haji Zainal, *Ajaran Sesat di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*, cet.2, (Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, 1425H/2004M); Pamflet "Hindari Ajaran Sesat", Bahagian Kawalan Aqidah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, (Bangunan Lama), Jalan Elizabeth BS3510, Negara Brunei Darussalam.
- ²⁵ Lihat: Mahayuddin Hj Yahya, "Manuskrip Jawi: Sejarah, Peranan dan Fungsinya," dlm. *Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkihah: Penjana Tamadun Islam*, cet.1, (Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, 2006), 59-99; Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 233.
- ²⁶ Interview bersama dengan Datin Hajjah Mastura Binti Awang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah bersama-sama dengan para penyelidik jabatan berkenaan pada 18/12/2008 di pejabatnya jam 11.00 – 1.00 tengahari.
- ²⁷ Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 232.
- ²⁸ Mahayuddin Hj Yahya, "Manuskrip Jawi: Sejarah, Peranan dan Fungsinya," dlm. *Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkihah: Penjana Tamadun Islam*, 34.(Senarai kitab lain boleh dilihat pada 42).
- ²⁹ Norarfan, *Perkembangan Ajaran Sesat di Negara Brunei Darussalam*, cet.1, (Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 1428H/2007M), 1.
- ³⁰ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi Melayu Islam Beraja*, 102; Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *op.cit*, 202.
- ³¹ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *ibid*, 103-104; Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *ibid*, 203.
- ³² Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *ibid*, 103
- ³³ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *ibid*, 102.
- ³⁴ Pusat Da'wah Islamiah, *Ratib al-'Attas*, (Brunei: Bahagian Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, t.t).
- ³⁵ Interview bersama-sama para penyelidik NBD pada 19/12/08 di pejabat mereka di Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama jam 11.00 – 1.00 tengahari.
- ³⁶ Norarfan, *Perkembangan Ajaran Sesat*, 37-41.

³⁷ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *op.cit*, 104; Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 202-203.

³⁸ Norarfan, *op.cit*, 6.

³⁹ Interview bersama dengan Datin Hajjah Mastura Binti Awang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah dan Haji Kasim bin Muhammad, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama pegawai lain pada 18/12/2008 di pejabat mereka pada jam 11.00 – 1.00 tengahari.

⁴⁰ Interview dengan Hj Md Shukri bin Hj Ahmad, Pegawai Agama, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam di pejabatnya jam 3.00 – 6.00 petang.

⁴¹ Lihat: Dr Hj Md Zain Hj Serudin, *Brunei an Islamic Nation: Islamic Background*, (Brunei: Islamic Da'wah Centre, 1428H/2007A.D), 81.

⁴² *Ibid*, 155.

⁴³ *Ibid*, 156.

⁴⁴ *Ibid*, 157; Pengiran Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd.Rahman, *Islam di Brunei Darussalam*, 194.

⁴⁵ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi Melayu Islam Beraja*, 1.

⁴⁶ Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, *ibid*, 152.

⁴⁷ *Ibid*, 153.

⁴⁸ Dr Haji Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 156.

⁴⁹ Norarfan bin Haji Zainal, *Perkembangan Ajaran Sesat di Negara Brunei Darussalam*, 95.